

DATE : 27 MARCH 2019 (WEDNESDAY)
 PAPER : UTUSAN MALAYSIA/ DALAM NEGERI/ PG 4
 TITLE : RAMPAS KERETA CURI RM24 JUTA
 BY : MASZUREEN HADZMAN

4 **DALAM NEGERI**

UTUSAN MALAYSIA

* Sindiket seludup guna kontena antara ditumpaskan tahun lalu

Rampas kereta curi RM24 juta

Oleh MASZUREEN HADZMAN
 pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 26 MAC

DIDAFTARKAN sebagai barangan lusuh, namun hakikatnya kontena yang ingin dihantar ke negara Jepun dan Asia Barat itu mengandungi kenderaan dan alat ganti yang dicuri.

Itu antara taktik yang sering digunakan sindiket bagi membawa keluar hasil curi tersebut untuk dijual ke pasaran gelap di dua negara terbabit.

Sindiket itu mengambil kesempatan kelemahan di hadapan pihak pelabuhan yang tidak mempunyai mesin pengimbas kontena untuk menyeludup kenderaan curi yang mendapat permintaan tinggi seperti Toyota Hilux, Vellfire, Alphard, Honda CR-V dan BMW 5 Series.

Apabila kontena tersebut tiba di negara berkenaan, peluang untuk mendapatkan semula kereta-



KHAIRULDIN SAAD

INFO				
JUMLAH SERBUAN DAN TANGKAPAN KES CURI KENDERAAN 2018				
	SERBUAN	TANGKAPAN	RAMPASAN	NILAI RAMPASAN
Januari	865	705	531	RM82,000
Februari	1184	661	352	RM155,000
Mac	1316	891	504	RM348,000
April	1117	826	458	RM1,924,812
Mei	782	583	271	RM121,900
Jun	878	587	339	RM994,640
Julai	1027	816	406	RM1,128,000
Ogos	1141	838	489	RM2,641,710
September	1053	785	393	RM2,287,515
Oktober	1415	968	432	RM1,874,470
November	1033	662	377	RM112,047
Disember	1454	779	382	RM1,631,004
JUMLAH	13,265	9101	4934	RM24,000,000

kereta curi di dalamnya amat tipis memandangkan sindiket di Malaysia dan dua negara berkenaan mempunyai jaringan kerjasama yang menyukarkan pihak berkuasa untuk menangani jenayah rentas sempadan itu.

Ketua Penolong Pengarah Riskan/Operasi/Rekod (D4) Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ), Bukit Aman, Datuk Khairuldin Saad berkata, walau bagaimanapun, kegiatan sindiket terbabit dapat ditumpaskan selepas pihaknya

mendapat maklumat daripada kalangan 9,101 individu yang ditahan kerana terlibat dalam kegiatan curi kereta di seluruh negara sepanjang tahun lalu.

Menurutnya, daripada penahanan yang dibuat, sebanyak 4,934 kenderaan dan komponen kenderaan termasuk yang cuba diseludup melalui kontena bernilai RM24 juta dirampas.

"Siasatan kami mendapati, sindiket akan mencuri kereta di kawasan-kawasan sasaran se-

belum membawa kenderaan itu ke pelabuhan-pelabuhan yang ada di negara ini untuk diseludup keluar menggunakan kontena.

"Memandangkan pelabuhan kita tidak mempunyai sistem pengimbas kontena, sindiket terlibat mengambil peluang dengan memalsukan maklumat sebelum kapal kontena bermuatan kereta curi itu belayar menuju ke negara-negara terlibat," katanya

ketika ditemui *Utusan Malaysia* baru-baru ini.

Ujarnya, ada juga sindiket menggunakan jalan darat dengan membawa keluar kereta terbabit melalui pintu sempadan negara untuk dijual di pasaran gelap negara jiran dan satu lagi modus operandi mereka adalah dengan meleraikan komponen-komponen kenderaan curi sebelum dijual menerusi laman web atau orang ketiga.